

Oleh Idzan Ismail

PM harumkan nama Malaysia di peta dunia

DI SEBALIK berbagai kritikan pedas dilemparkan terhadap hukuman mati di tali gantung ke atas penganjak dadah oleh undang - undang Malaysia, Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad terpilih menjadi Presiden Persidangan Antarabangsa mengenai Pnyalahgunaan dan Penganjak Haram Dadah (ICDAIT) selama 10 hari yang sedang berlangsung di Vienna, Austria.

Perlantikan Perdana Menteri ini adalah satu penghormatan besar bukan sahaja kepada Datuk Sri Dr. Mahathir secara peribadi dan rakyat Malaysia, tetapi juga merupakan pengakuan terbuka terhadap tindakan tegas yang telah diambil oleh kerajaan setakat ini dalam memerangi dadah.

Rakyat Malaysia tentu masih ingat lagi betapa lantang media-media asing mengkritik Malaysia kerana mengenakan hukuman gantung ke atas dua orang rakyat Australia, Brian Chambers dan Kevin Barlow tahun lalu.

"Malaysia begitu kejam, tidak berperikemanusiaan dan tidak bertamadun (barbaric)" begitulah reaksi akhbar - akhbar asing terhadap keputusan mahkamah yang mendapati Brian Chambers dan Kevin Barlow bersalah mengedar dadah.

Publisiti meluas juga disebarkan ke seluruh dunia apabila Derrick Gregory dari Britain dan Frank Foerster dari Jerman Barat dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan memiliki dadah merbahaya.

Tindakan tegas Malaysia tetap mengenakan hukuman mati tanpa mengira bulu dan warna kulit itu mengalihkan perhatian dunia terhadap Malaysia yang bersungguh - sungguh mahu membanteras dadah yang disifatkan sebagai musuh utama negara.

Barangkali, pendirian Malaysia itu juga menyebabkan Perdana Menteri dipilih sebulat suara oleh lebih 120 negara yang menghadiri persidangan antarabangsa mengenai dadah di Vienna.

Rakyat Malaysia mempunyai alasan untuk merasa bangga dengan perlantikan itu yang mana Datuk Sri Dr. Mahathir merupakan anak Melayu dan Malaysia yang pertama telah diberi pengiktirafan sebegitu tinggi oleh pertubuhan dunia.

Dengan perlantikan itu, beliau boleh menghalakan seluruh tenaga ICDAIT untuk menimbulkan kesedaran di kalangan negara-negara di dunia tentang bahaya serta kewajipan setiap kerajaan di dunia ini untuk memerangnya secara bersama dan bersatu.

Seperti yang disebut dalam ucapan sulungnya selaku presiden pertama persidangan tersebut, pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sebenarnya tidak kurang mempunyai agensi dan jawatankuasa-jawatankuasa yang berfungsi untuk memerangi dadah sejak tahun 60an lagi.

Tetapi disebabkan oleh setiap negara tidak mengambil tindakan tegas sama ada dari segi undang-undang mahupun politik, maka ancaman dadah menjadi semakin merbahaya dan merebak di seluruh dunia serta menjalar masuk ke dalam rumah-rumah kita sendiri.

Kejayaan memerangi dadah di Malaysia cuma dapat dicapai menerusi kerjasama antarabangsa dan untuk menggalakan penyertaan dunia luar, Malaysia memutuskan memainkan peranan penting dalam kempen besar-besaran itu.

Perdana Menteri telahpun menerangkan: "Kita perlukan kerjasama ini untuk memudahkan mendapat maklumat terhadap pergerakan dadah di peringkat antarabangsa dan menyenangkan pengurusan menghantar pesalah dadah untuk dihadapkan ke mahkamah."

Oleh demikian, persidangan antarabangsa di Vienna itu adalah manifestasi seluruh dunia untuk bergabung mengatasi penyalahgunaan dadah yang merupakan barah yang mengancam generasi muda di negara masing-masing.

Persidangan itu yang dicadangkan oleh

Setiausaha Agung Bangsa - Bangsa Bersatu sejak Mei 1985 adalah kemuncak usaha berterusan selama 80 tahun di peringkat antarabangsa untuk menghadkan bekalan dadah di dunia.

Masalah membanteras dadah perlu menjadi tanggungjawab dunia kerana pengedaranya sahaja boleh mendatangkan keuntungan dan menyebabkan pembunuhan sesama manusia.

Di samping memperkukuhkan usaha antarabangsa menyekat bekalan dadah dan pengedaran haram, persidangan di Vienna memberikan tumpuan terhadap keperluan penagih dadah, merawat mereka dan memulihkan mereka ke dalam masyarakat.

Keazaman Malaysia memerangi dadah patut mendapat sanjungan dunia. Sungguhpun Malaysia sebuah negara kecil dengan 15 juta penduduk, jumlah penagih dadah adalah seramai 500,000 orang.

Malaysia juga menerima jolokan "negara transit" bagi pengedaran dadah kerana berdekatan dengan tiga segi maut.

Imej yang buruk ini menyebabkan semua warganegara Malaysia yang pergi ke seberang laut terpaksa menjalani pemeriksaan kastam yang begitu rapi.

Untuk memulihkan imej ini, Malaysia telahpun melaksanakan akta dadah merbahaya yang mengenakan hukuman gantung sampai mati terhadap sesiapa yang didapati bersalah mengedar dadah.

Kementerian Dalam Negeri juga sedang menyiapkan pindaan kepada akta itu yang bertujuan memberi kuasa kepada kerajaan merampas dan melelong semua harta pengedar dadah.

Ini menjadikan Malaysia negara pertama di Asia yang menguatkuasakan hukuman seperti itu apabila rang undang-undang itu diluluskan.

Sejak rang undang-undang anti dadah berkuatkuasa, seramai 140 orang pengedar termasuk rakyat asing telah dihukum gantung sampai mati.

Usaha Malaysia merintis jalan memerangi dadah telah diikuti oleh Amerika dan Britain — dua negara yang dipimpin oleh pihak konservatif.

Presiden Reagan telah menyokong pelaksanaan hukuman mati ke atas pengedar - pengedar dadah dalam pembentangan rang undang-undang penyalahgunaan dadah di Amerika Syarikat tahun lalu.

Malangnya, cadangan itu ditolak oleh Senat atas sebab - sebab kemanusiaan.

Perdana Menteri Britain, Puan Margaret Thatcher juga dikatakan berminat untuk memulihkan hukuman gantung

yang dihapuskan dalam tahun 60an dulu ke atas pengedar dadah berikutan desakan daripada pergerakan pemuda Parti Konservatif. Bagaimanapun, jenis kesalahan yang boleh dikenakan hukuman mati itu masih dipertimbangkan.

Sesungguhnya, perlantikan Datuk Sri Dr. Mahathir membuktikan Malaysia mampu menjadi juara dunia dan suaranya boleh didengar sungguhpun negara ini kecil.

Ia juga sekaligus membuktikan Perdana Menteri adalah pemimpin yang mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa sungguhpun terdapat dakwaan sebelum ini kononnya imejnya terjejas di dunia luar.

Syabas Datuk Sri Dr. Mahathir kerana berjaya mengharumkan nama Malaysia di peta dunia.